

# Berhutang untuk mewah aniaya diri

**Berbelanja ikut keperluan elak dibelenggu masalah kewangan**



Tidak dapat dinafikan berhutang adalah satu tindakan di luar kehendak kita. Jika pun ada keinginan, ia adalah kerana keperluan yang tidak dapat dielakkan, tetapi hakikatnya membayar hutang adalah satu bebanan besar.

Hari ini, hutang bukan lagi sesuatu yang mengaibkan. Pelbagai cara digunakan untuk mendekati kita dengan amalan berhutang, hutang sudah mula menjadi keperluan manusia, bukan lagi diperlukan apabila keadaan memaksa.

Bukan salah hutang, juga tidak salah untuk berhutang, tetapi sikap ambil mudah tanpa mengukur kemampuan sendiri itulah yang menjadi masalah.

Satu sikap patut dipuji ialah apabila seseorang itu tidak hidup di luar kemampuan disebabkan hutang. Orang sebegini tahu mengukur baju di badan sendiri, malah tidak akan membelenggu dirinya dengan masalah kewangan yang membebankan apabila hutang dituntut kelak.

## Golongan dibenar berhutang

Firman Allah SWT: "Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhan-Nya." (Surah Al-Israa', ayat 26-27).

Golongan dibenarkan berhutang adalah orang yang menanggung sesuatu beban dan hutang membolehkannya membayar tanggungan itu. Kedua, orang yang terbukti miskin dan hutang membolehkannya mendapatkan sumber untuk meneruskan kehidupan.

Terakhir ialah orang yang ditimpa bencana sehingga harta bendanya musnah dan hutang membolehkannya mendapatkan sumber untuk memulihkan kehidupannya seperti sedia kala.

Untuk mencukupkan keperluan hidup, setiap manusia perlu bekerja. Wang diperoleh akan ditukarkan dengan barangan yang diperlukan, sama ada berbentuk makanan, pakaian, perlindungan mahupun perkhidmatan.

## Boleh berkongsi rezeki

Tanpa membandingkan apa yang kita miliki dengan orang lain, kita sepatutnya bersyukur dan bermuhasabah atas setiap yang dikurniakan. Jika masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan, kita harus berusaha lebih keras dan jika berlebihan, sebaiknya berkongsi dengan yang memerlukan.

Kita dibenarkan berkongsi rezeki yang Allah kurniakan dengan orang sangat memerlukan, maka kita disyariatkan menunaikan zakat, memberi

sedekah dan juga hutang. Sudah tentulah orang yang memberi, lebih baik daripada yang menerima kerana rezeki diraih turut meringankan beban orang lain.

Malangnya ada segelintir umat Islam menjadikan sikap suka berhutang untuk bermewah-mewah. Ada juga yang tahu mereka tidak mampu melangsaikan hutang mengikut waktu ditetapkan, tetapi masih suka berhutang.

Malah hutang menjadikan seseorang itu malas bekerja dan berasa cukup dengan apa yang ada sedangkan itu adalah milik orang lain yang harus dipulangkan.

Ada pula yang berhutang untuk melakukannya maksiat kepada Allah. Mereka ini terlalu taksab kepada harta dunia, sehingga sanggup berhutang melampaui kemampuan untuk membeli rumah besar, kereta mewah, melancong seluruh dunia dan berjudi.

Malah ada yang berhutang untuk mendapatkan modal perniagaan skim cepat kaya yang akhirnya memakan diri sendiri.

Justeru, apa yang perlu dilakukan adalah bekerja keras dan menguruskan kewangan dengan bijak. Menggunakan kad kredit bukan satu penyelesaian, malah ia menjadi nerangan untuk

mengaburkan mata supaya kita berhutang walaupun tidak perlu.

## Urus kewangan dengan bijak

Jualan barangan menawarkan skim 'guna dulu bayar kemudian' juga satu strategi untuk menawarkan hutang yang akhirnya menjadi beban kepada pembeli yang rakus.

Banyak masalah rumah tangga disebabkan hutang sehingga berlaku perceraian dan pertelingkahan berpanjangan sehingga sukar untuk membahagikan harta sepencarian, membayar nafkah dan sebagainya.

Paling menyakitkan, ada bekas suami yang mewariskan bekas isteri dengan bebanan hutang kerana persetujuan bekas isteri menjadi penjamin.

Walaupun hutang adalah simbol penghinaan, ia tetap dibenarkan. Namun, perlu diingat hikmah hutang dalam agama Islam adalah untuk membolehkan orang yang berada dalam kesukahan mencukupkan keperluan hidup, sehingga membolehkannya menunaikan ketaatan kepada Allah SWT.

Ramai lupa hakikat ini dan menjadikan hutang sekadar jalan keluar daripada kesempitan tanpa menghayati hikmah Allah SWT membenarkan hutang sebagai peringatan supaya sentiasa berada di jalan-Nya.

Mereka inilah yang melengah-lengahkan pembayaran hutang sekalipun mampu berbuat demikian sedangkan Rasulullah SAW sentiasa meminta dijauhkan daripada bebanan hutang.

Diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, daripada 'Aisyah bahawa Baginda selalu berdoa dalam sembahyang: "Ya Allah sesungguhnya Aku berlindung denganmu daripada dosa dan hutang."

## Penulis

Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia



**NIK SALIDA SUHAILA**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang  
Universiti Sains  
Islam Malaysia